



**PENGARUH KECERDASAN EMOSI TERHADAP DAYA
TINDAK GURU SEKOLAH MENENGAH DALAM
MENGHADAPI TRANSISI FASA PANDEMIK-ENDEMIK:
KAJIAN KES DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI
SEKITAR DAERAH TEMERLOH**



NURUL NAZATUL HUSNA BINTI ROSLI

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023**



**PENGARUH KECERDASAN EMOSI TERHADAP DAYA TINDAK GURU
SEKOLAH MENENGAH DALAM MENGHADAPI TRANSISI FASA PANDEMIK-
ENDEMIK: KAJIAN KES DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI SEKITAR
DAERAH TEMERLOH**

NURUL NAZATUL HUSNA BINTI ROSLI

Kertas Projek ini telah diserahkan untuk memenuhi sebahagian keperluan
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dengan Kepujian

Fakulti Pembangunan Manusia

Universiti Pendidikan Sultan Idris

2023



PENGESAHAN

Projek akhir ini telah diterima dan diluluskan untuk memenuhi syarat kursus KKR 3996, kertas projek bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Pengesahan Penyelia Projek Tahun Akhir

.....
(Encik Zulkifli bin Mamat)



(/ 2023)

Pengesahan Penyelaras Projek Tahun Akhir

.....
(Dr. Mazita binti Ahmad)

(/ 2023)



PENGAKUAN

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kertas projek ini adalah merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali petikan dan ringkasan yang mana telah diketahui selayaknya.

Nama : NURUL NAZATUL HUSNA BT ROSLI

No Matrik : D20182085552

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my
(Cik Nurul Nazatul Husna Bt Rosli)  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

Tarikh: 17/1/2023

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan keizinan dan berkat-Nya, saya dapat menyiapkan penulisan projek tahun akhir bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan Dan Kaunseling dengan Kepujian dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, saya juga bersyukur kerana segala masalah dan pelbagai rintangan yang dihadapi sepanjang kajian ini dijalankan berjaya diatasi. Segala permasalahan yang timbul ini telah menjadikan saya seorang insan yang mengenal erti kesabaran dan manisnya liku-liku kehidupan. Semoga ini menjadikan satu semangat untuk saya terus maju ke peringkat seterusnya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diberikan kepada Encik Zulkifli bin Mamat selaku penyelia dalam menyiapkan penulisan projek tahun akhir ini. Beliau merupakan individu penting dalam memberikan tunjuk ajar serta membimbing saya di sepanjang melaksanakan dan menyiapkan projek tahun akhir ini.

Selain itu, tidak lupa juga ucapan terima kasih diucapkan kepada ahli keluarga yang amat saya hormati iaitu Puan Suzana binti Saruji dan adik beradik yang tidak pernah kenal erti jemu dalam memberikan sokongan dan dorongan untuk saya meneruskan dan menyiapkan projek tahun akhir ini. Beliau merupakan insan yang banyak membantu saya dalam memberikan kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga.

Seterusnya, ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pelajar-pelajar AT04 Kaunsera dan rakan-rakan yang banyak memberikan pertolongan, bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan penulisan ini secara langsung mahupun tidak langsung. Sekalung penghargaan dan sekalung budi diberikan kepada Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah menjadi keluarga saya di sepanjang pengajian saya di sini.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada semua guru-guru di sekolah-sekolah menengah di Daerah Temerloh dan mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses menyiapkan penulisan ilmiah saya ini. Saya dengan rasa rendah diri memohon maaf seandainya terdapat kekurangan dalam penulisan ini. Segala kritikan yang membina diterima dengan hati yang terbuka. Sesungguhnya yang baik datang dari Allah SWT dan segala kekurangan itu datangnya dari kelemahan diri saya sendiri.

Sekian terima kasih, Wasalam.

ABSTRAK

Kalangan guru di Malaysia merupakan golongan yang perlu diberi perhatian sewajarnya oleh kesemua organisasi atau institusi pendidikan di Negara ini. Hal ini kerana, kepincangan figura pendidikan Negara akan memberi kesan serius terhadap aspek pendidikan anak didik Negara secara amnya. Namun, lambakan kes seperti tekanan kerja dan lambakan kerja di dalam fasa pandemik misalannya yang melibatkan para guru di Malaysia adalah amat membimbangkan justeru kajian ini dibangunkan bagi mengenal pasti tentang aspek kecerdasan emosi dan pengaruhnya terhadap daya tindak guru sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh. Selain itu, kekuatan hubungan di antara dua aspek tersebut juga turut dikaji. Kajian ini menyasarkan para guru sekolah menengah di sekolah-sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh sebagai responden kajian dan telah memperoleh dapatan kajian seramai 211 responden menggunakan teknik persampelan bertujuan. Dengan menggunakan kaedah kuantitatif sebagai reka bentuk kajian serta dapatan kajian dianalisis menggunakan SPSS analisis 28.0 deskriptif dan korelasi, hasil kajian telah menemui dapatan yang menunjukkan bahawa tahap signifikan kecerdasan emosi dalam kalangan guru di lokasi kajian adalah tinggi dengan nilai skor $m = 3.91$. Begitu juga dengan tahap daya tindakan dalam kalangan guru adalah tinggi dengan nilai skor $m = 3.79$. Justeru, kajian ini membuktikan bahawa tahap kecerdasan emosi sememangnya mempengaruhi tahap daya tindak individu. Bahkan kecerdasan emosi dan daya tindak juga mempunyai hubungan yang signifikan dan kuat dengan nilai pekali korelasi Pearson $r = 0.643$. Implikasi dari kajian ini adalah amat jelas iaitu tentang kepentingan elemen kecerdasan emosi di dalam diri setiap individu guru dapat menghasilkan tindakan dan tingkah laku yang baik.

ABSTRACT

THE INFLUENCE OF EMOTIONAL INTELLIGENCE ON SECONDARY SCHOOL TEACHERS' POWER TO ACTION IN THE PANDEMIC- ENDEMIK PHASE TRANSITION: A CASE STUDY IN SECONDARY SCHOOLS AROUND TEMERLOH DISTRICT

Teachers in Malaysia are a group that needs to be given due attention by all educational organizations or institutions in this country. This is because, the flawed figure of the National education will have a serious impact on the education aspects of the National's students in general. However, the dumping of cases such as work pressure and dumping of work in the pandemic phase, for example, involving teachers in Malaysia is very worrying, therefore this study was developed to identify aspects of emotional intelligence and its influence on the response of secondary school teachers around the Temerloh district. In addition, the strength of the relationship between the two aspects was also studied. This study targets secondary school teachers in secondary schools around the Temerloh district as research respondents and has obtained research findings of 211 respondents using purposive sampling techniques. By using quantitative methods as a research design and the findings of the study were analyzed using SPSS 28.0 descriptive analysis and correlation, the results of the study have found findings that show that the significant level of emotional intelligence among teachers in the study location is high with a score value of $m = 3.91$. Likewise, the level of action among teachers is high with a score of $m = 3.79$. Thus, this study proves that the level of emotional intelligence indeed affects the level of individual coping. Even emotional intelligence and coping skills also have a significant and strong relationship with the value of the Pearson correlation coefficient $r = 0.643$. The implications of this study are very clear, which is about the importance of the element of emotional intelligence in each individual teacher to be able to produce good actions and behavior.

ISI KANDUNGAN

Halaman

PENGESAHAN	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang kajian	1
1.3	Permasalahan kajian	4
1.4	Persoalan kajian	10
1.5	Objektif kajian	10
1.6	Hipotesis kajian	11
1.7	Definisi	12
	1.7.1 Kecerdasan emosi	12
	1.7.2 Daya tindak	12
1.8	Kerangka Konseptual	12
1.9	Sumbangan dan kepentingan kajian untuk masa hadapan	15
1.10	Limitasi kajian	17
1.11	Kesimpulan	18

BAB II LITERATUR KAJIAN

2.1	Pengenalan	20
2.2	Konsep kecerdasan	20
	2.2.1 Kepentingan kecerdasan terhadap individu	21
2.3	Konsep emosi	22
	2.3.1 Kepentingan emosi terhadap individu	23
2.4	Konsep kecerdasan emosi	24
	2.4.1 Kepentingan kecerdasan emosi terhadap individu	26
2.5	Konsep daya tindak	28
	2.5.1 Kepentingan daya tindak terhadap individu	30
2.6	Fasa pandemik-endemik	31
2.7	Kesimpulan	32

BAB III KAEDAH KAJIAN

3.1	Pengenalan	33
3.2	Reka bentuk kajian	34
3.3	Populasi dan sampel kajian	35
3.4	Instrumen kajian	38
3.5	Pengumpulan data	40
	3.5.1 Pengumpulan data primer	40
	3.5.2 Pengumpulan data sekunder	40
	3.5.3 Proses pengumpulan data	41
3.6	Kaedah analisis	42
3.7	Kesimpulan	43

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	44
4.2	Profil responden	44
4.3	Analisis tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru	48
4.4	Nilai skor min bagi setiap elemen kecerdasan emosi	54
4.5	Analisis tahap daya tindak dalam kalangan para guru sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh	56
4.6	Analisis Pearson hubungan di antara tahap kecerdasan emosi dan tahap daya tindak	58
4.7	Kesimpulan	60

BAB VII RUMUSAN

5.1	Pengenalan	62
5.2	Intipati kajian berdasarkan kerangka konseptual	63
5.3	Perbincangan hasil kajian	65
5.4	Cadangan	71
5.4	5.4.1 Cadangan inisiatif kepada peningkatan aspek kecerdasan emosi dalam kalangan guru	72
5.4	5.4.2 Cadangan kajian lanjutan	75
5.5	Penutup	76

RUJUKAN	78
----------------	----

LAMPIRAN	82
-----------------	----



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN.

Bab ini secara keseluruhannya merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, definisi konseptual, kerangka konseptual, sumbangan dan kepentingan kajian pada masa hadapan, dan limitasi kajian.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN.

Di zaman arus perdana kini, kecerdasan emosi merupakan senjata yang paling mujarab dalam memastikan individu dapat menjalani tanggungjawab dalam kerjaya dengan penuh komited dan produktif. Bhavana Arora (2017) di dalam sebuah kajiannya menyatakan bahawa apabila dikaitkan dengan tempat kerja atau sesebuah organisasi, faktor kecerdasan emosi adalah dua (2) kali ganda lebih penting berbanding *intelligence quotient* dan kemahiran teknikal. Meskipun seringkali rata-rata individu memperoleh pekerjaan yang diidamkan dengan penilaian dibuat oleh majikan terhadap *intelligence quotient* namun di akhirnya, faktor yang mendorong kepada penilaian prestasi adalah dilihat menerusi kecerdasan emosi (*emotional intelligence*). Hal ini kerana, individu



yang memiliki kecerdasan emosi yang tinggi adalah lebih cenderung untuk menyampaikan perkhidmatan telus dan berkesan terhadap organisasi kerana organisasi tersebut dilihat telah mempunyai pekerja yang cekap, gembira, yakin dan disukai oleh pasukan justeru dapat menjalankan amanah pekerjaan dengan penuh berwibawa dan berdedikasi (Bhavana Arora, 2017). Selain itu, kecerdasan emosi juga merujuk kepada kombinasi kecerdasan dan emosi secara khusus. Kombinasi ini telah menggabungkan beberapa aspek penting dalam emosi bagi meningkatkan pemahaman dan penggunaan emosi ke arah yang lebih positif. Peningkatan ini melibatkan aspek mengenal pasti, membentuk emosi, mendalami dan memahami. Emosi akan memainkan peranan sebagai pencetus tahap daya fikir dan meningkatkan keupayaannya (Ciarrochi, Chan & Caputi, 2000).

Malaysia malahan juga di seluruh dunia. Bermula daripada sejak penularan wabak Covid-19 yang melanda Negara Malaysia pada Mac 2020, kehidupan seluruh Keluarga Malaysia didapati telah mengalami perubahan dalam pelbagai aspek misalannya seperti aspek pendidikan, aspek bekerja, aspek kewangan, aspek penjagaan kesihatan, aspek politik dan sebagainya. Terlalu banyak kekangan serta adaptasi yang terpaksa dilakukan oleh Keluarga Malaysia pada ketika itu sehinggakan menuntut banyak pengorbanan untuk dilakukan. Walau bagaimanapun, setelah dua tahun kita berhadapan dengan wabak ini, Perdana Menteri Malaysia ketika itu akhirnya telah mengisytiharkan fasa endemik bermula di negara kita sejak 1 April 2022 yang lalu, lantas menyaksikan lebih banyak impak kepada Keluarga Malaysia sama ada impak positif mahupun negatif (Ridauddin Daud, 2022).

Justeru itu, dalam mendepani cabaran pendidikan global fasa endemik pada masa kini, salah satu aspek yang perlu diberi perhatian oleh pihak Kerajaan adalah berkaitan tentang aspek cabaran dan prospek pendidikan Negara di fasa endemik. Hal ini kerana, selepas dunia mengalami kelumpuhan dalam aspek-aspek utama Negara dek pandemik, kini seluruh dunia sedang berlumba-lumba untuk mempersiapkan generasi muda masa kini dengan kelengkapan ilmu pengetahuan dalam bidang pendidikan yang berkaitan. Maka, adalah amat penting bagi setiap guru di sekolah-sekolah terutama sekolah menengah untuk memastikan tahap kecerdasan emosi mereka berada pada tahap yang tinggi supaya daya tindak yang dihasilkan juga adalah berkesan dan efisien selari dengan tanggungjawab serta skop kerja para pendidik dan guru yang memerlukan akauntabiliti dan kompetensi yang tinggi. Oleh itu, aspek kecerdasan emosi adalah amat penting bagi setiap guru kerana mereka merupakan individu yang sentiasa berhadapan dengan masalah dan perangai para pelajar lebih-lebih lagi di fasa pandemik yang lalu sehingga membawa ke fasa endemik kini. Dalam keadaan begini, kecerdasan emosi yang baik amat dititikberatkan memandangkan situasi pekerjaan guru yang amat mencabar dalam mengharungi bebanan serta tekanan yang dihadapi semata-mata untuk memastikan para pelajar kekal menerima pendidikan berkualiti walaupun penutupan sekolah pada fasa pandemik berlangsung dalam masa yang agak lama (Sinar Harian, 2021).

Berdasarkan Offermann et. al. (2004), penilaian kecerdasan emosi merupakan salah sebuah kaedah penilaian yang relevan dan sesuai untuk dilaksanakan di organisasi-organisasi bagi membantu organisasi untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang dimiliki oleh para pekerja di sesebuah organisasi. Secara asasnya, sudah pasti semua individu mahu mencari dan mencapai penyelesaian masalah terhadap

permasalahan yang dihadapi oleh individu lain di dalam sesebuah organisasi. Maka, salah satu penyelesaian ideal adalah dengan pemilihan strategi yang tepat dan penggunaan daya tindak serta amalan daya tahan yang sesuai. Keadaan ini tidak akan dapat tercapai sekiranya individu itu tidak mampu untuk mengesan dan menilai perasaan diri sendiri yang berpunca disebabkan oleh kecerdasan emosi individu yang rendah sekaligus memberi kesan minimum terhadap penyesuaian daya tahan dan daya tindak. Keadaan sebegini jika dibiarkan berterusan akan menjejaskan pencapaian individu itu sendiri dari segi aspek kepuasan hidup, kerjaya, keluarga, sosial dan sebagainya. Apabila perkara ini terjadi, organisasi turut akan menerima kesan kerana penggerak sesebuah organisasi adalah individu itu sendiri. Ini kerana, kecerdasan emosi akan memberi impak yang besar terhadap integriti dan produktiviti di tempat kerja kerana individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang rendah lebih cenderung untuk bersikap negatif dan mempamerkan ketidakpuasan hati dalam pekerjaan.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN.

Fasa endemik merupakan suatu fasa yang kompleks namun dinamik demi kemampanan Negara kita. Setiap kementerian dan jabatan telah mengeluarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) mereka untuk dipatuhi oleh setiap warga kerjanya memandangkan fasa endemik telah membenarkan pengoperasian semula semua sektor sama ada sektor swasta mahupun sektor awam (Kementerian Komunikasi dan Multimedia, 2022). Banyak manfaat dan kebaikan yang dijangka diperolehi hasil daripada transisi pandemik kepada endemik ini. Di fasa pandemik sebelum ini, virus Covid-19 telah menyebabkan peningkatan kes dalam bilangan yang besar sehingga melibatkan populasi yang besar, justeru pelbagai sekatan dikenakan agar penularan dapat

dibendung (Majlis Keselamatan Negara, 2022). Namun, demi memastikan pembangunan dan kitaran ekonomi Negara dapat terus berjalan, Negara telah beralih kepada fasa endemik yang menyaksikan Keluarga Malaysia terpaksa hidup dengan virus ini kerana virus ini merupakan sebuah penyakit yang sentiasa wujud di sekeliling kita dan dalam erti kata lain, kita terpaksa hidup dikelilingi penyakit ini, justeru adalah menjadi tanggungjawab seluruh masyarakat untuk sentiasa berwaspada dan memastikan langkah penjagaan kesihatan berada pada tahap paling maksimum (Majlis Keselamatan Negara, 2020).

Pendidikan di abad ke-21 kini tidak boleh dipandang enteng kerana peranan seorang guru amat dititikberatkan untuk memastikan pendayaupaan para pelajar dapat dicapai ke tahap yang disarankan. Namun, apa yang lebih mengkusarkan adalah apabila kajian terkini menunjukkan berlakunya penurunan pencapaian akademik dan keciciran serta ketinggalan pelajaran akibat fasa pandemik (Astro Awani, 2020). Kepelbagaian jenis masalah yang dialami oleh sektor pendidikan Negara iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di sewaktu fasa pandemik kepada endemik amat memerlukan para guru yang memiliki kecerdasan emosi yang baik dalam mengharunginya. Menurut Ciarrochi, J., et. al. (2001), individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang baik akan mampu mentafsir, memahami, menilai serta menunjukkan luahan emosi dengan baik dan betul. Kecerdasan emosi ini amat penting bagi menjelaskan tahap profesionalisme individu itu dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan walau dalam apa keadaan sekalipun situasi negara pada waktu kini.

Selain itu, kecerdasan emosi juga merupakan di antara elemen penting bagi setiap individu dalam melaksanakan kesemua tanggungjawabnya di bidang tugas masing-masing. Cabaran yang dihadapi bukan sahaja dari sudut perubahan kaedah pengajaran dan pembelajaran iaitu daripada pembelajaran bersemuka kepada pembelajaran dalam talian namun turut melibatkan penurunan prestasi para pelajar yang semakin ketara (Nasimah, A. et. al, 2022) dilihat telah melambakkan lagi tugas dan tanggungjawab para guru secara keseluruhannya di Malaysia. Malahan, para guru juga merupakan golongan yang sentiasa menjadi perhatian dan selalu dinilai oleh masyarakat umum memandangkan mereka sering berhadapan dengan isu kredibiliti, krisis kekurangan guru serta krisis guru yang mengajar dalam bidang bukan utama mereka dan sebagainya. Maka, jelaslah di sini akan kemampuan kajian ini bagi mengenal pasti, menilai dan mengetengahkan isu kecerdasan emosi dan daya tahan para guru supaya kesemua peranan dan matlamat dalam profesion perguruan dapat dicapai dan dilunaskan dengan jayanya.

Pada tahun 2017, terdapat sebuah kajian yang dilaksanakan oleh Mohd Khairuddin Abdullah yang mengetengahkan bahawa terdapat tahap kecerdasan emosi dan tahap komitmen organisasi guru yang tinggi dalam kalangan guru-guru di sebelas (11) buah sekolah menengah di sekitar daerah Keningau. Kajian tersebut merupakan sebuah kajian yang menunjukkan dengan jelas tentang keperluan kajian tersebut untuk dijalankan ke atas para guru sebagai usaha bagi mengenal pasti tahap kedua-dua aspek tersebut. Hal ini kerana, tahap kecerdasan emosi yang rendah akan mendorong kepada berlakunya tahap komitmen guru terhadap organisasi yang juga berkurangan. Antara akibat yang dikhuatiri boleh berlaku sekiranya guru memiliki tahap kecerdasan emosi yang rendah adalah seperti yang melibatkan isu integriti dan salah laku iaitu seperti



penglibatan dalam rasuah, pelanggaran undang-undang, tidak hadir bertugas seperti yang telah dijadualkan, tidak mempedulikan setiap arahan yang disampaikan, tidak ada rasa tanggungjawab untuk melaksanakan tugas dengan baik dan sering mengambil cuti kecemasan serta cuti sakit tanpa sebab yang munasabah. Jika perkara ini dibiarkan berterusan, isu kredibiliti dan kompetensi para guru sudah pasti akan dipersoalkan dan dikritik.

Oleh hal yang demikian, elemen kecerdasan emosi ini merupakan sebuah aspek yang amat penting bagi setiap para guru dalam mengawal emosi serta dapat membangunkan daya tahan yang tinggi. Dengan mengamalkan profesion perguruan yang berlandaskan undang-undang, sudah pasti para guru akan dapat melaksanakan tanggungjawab dengan baik dan berkesan meskipun berhadapan dengan variasi keadaan dan cabaran di sekolah. Pada zaman serba mencabar kini, banyak cabaran dari sudut ketidakstabilan politik semasa, ketidakpekaan masyarakat terhadap tindakan pelaksanaan undang-undang, tahap kefahaman integriti yang rendah serta trend peningkatan penggunaan media sosial yang menyebabkan pelbagai fitnah semasa telah memberi tekanan terhadap kesabaran, kewibawaan dan kemampuan para guru dalam menjalankan tanggungjawabnya.

Cabaran yang dihadapi oleh para guru di transisi fasa pandemik kepada endemik bukan sahaja disebabkan oleh perubahan keadaan yang jauh berbeza dengan keadaan sebelumnya namun ianya ternyata telah memberi tekanan kepada para guru dengan perkembangan kepelbagaian teknologi yang semakin canggih, penyampaian maklumat menerusi media sosial yang pantas, kepelbagaian pandangan dan pemikiran para pelajar termasuklah ibu bapa terhadap para guru, serta lain-lain cabaran lantas menuntut



komitmen serta fokus yang tinggi di dalam profesion ini. Melihat kepada keperluan semasa negara, jelaslah bahawa faktor kecerdasan emosi yang tinggi mampu mempengaruhi daya tahan serta daya tindak para guru. Menurut Nikolaou dan Tsaousis (2002), individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang baik dan tinggi akan mengurangkan tekanan kerja sekaligus mampu meningkatkan kepuasan di dalam tugas yang diberikan. Hal ini kerana, para guru yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi mampu menzahirkan suatu kepuasan terhadap pekerjaannya berbanding dengan para guru yang mempunyai kecerdasan emosi yang rendah yang lebih cenderung untuk bersikap negatif dan tidak profesional semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan (Hoath, 1998). Kecerdasan adalah keupayaan individu untuk menyesuaikan diri terhadap keadaan persekitaran. Penyesuaian itu dapat dilaksanakan dengan berpanduan matlamat, berfikiran secara rasional dan bersesuaian terhadap individu serta mengikut keadaan persekitaran (Sobel, 2001). Manakala Stanton, Kirk, Cameron & Burg (2000) menyatakan bahawa emosi berupa daya tindak yakni reaksi terhadap sesuatu situasi. Daya tindak merupakan usaha dalam menguruskan desakan dalaman, keadaan persekitaran dan konflik. Dengan itu, reaksi atau respon emosi individu akan menentukan pemilihan daya tindak mereka. Justeru itu, penggabungan di antara kedua-dua perkataan iaitu kecerdasan dan emosi yang menghasilkan “kecerdasan emosi” merupakan suatu aspek di dalam seseorang individu yang perlu dinilai dan digali bagi mengenal pasti kelemahan dan kekuatan masing-masing yang seterusnya dapat membantu dalam proses peningkatan kualiti kerja demi kemakmuran dan keharmonian penyampaian perkhidmatan di dalam kalangan para guru sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh.

Oleh yang demikian, kajian ini merupakan sebuah kajian yang amat penting bagi membantu pihak berkepentingan terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), ketua jabatan serta pegawai kaunseling untuk mengenal pasti kecerdasan emosi dalam kalangan para guru dalam menentukan tahap daya tahan para guru berhadapan dengan situasi yang sedang melanda sistem pendidikan Negara kini. Ini bertepatan dengan fungsi kecerdasan emosi itu sendiri yang mempunyai perkaitan dengan kemampuan individu untuk mengawal emosi dalam meningkatkan daya fikir dan daya tahan individu. Peningkatan permasalahan kes kemurungan serta tekanan psikologikal segelintir para guru yang membawa kepada beberapa laporan berita yang mengetengahkan tentang segelintir guru yang mengalami tekanan di antaranya kerana mengajar di sekolah bandar di samping turut melibatkan isu beban kerja yang bertindan dan lain-lain faktor seperti faktor para pelajar yang semakin bermasalah dari segi pembelajaran selepas fasa pandemik.

Maka, bertitik tolak daripada segala huraian di atas, dapat dilihat bahawa aspek kecerdasan emosi dan daya tahan dan daya tindak guru adalah sangat penting untuk diperhalusi oleh pihak berkepentingan terutamanya pihak Jabatan Pendidikan Daerah Temerloh mahu pun pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi mengelakkan perkara-perkara tidak diinginkan daripada terus berlaku. Menurut Welbourne et. al., (2007), kecerdasan emosi mampu memberi kesan yang tinggi terhadap kepuasan kerja dan kesejahteraan psikologi sekiranya seseorang individu memiliki strategi daya tahan yang tinggi. Justeru, berdasarkan penjelasan serta huraian yang telah dinyatakan di atas, timbul persoalan tentang peranan kecerdasan emosi dan pengaruhnya terhadap daya tahan para guru serta trend kecerdasan emosi dan daya tahan para guru di sekolah-sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh. Aspek ini

sangat penting untuk dinilai, dirungkai dan diketengahkan sebagai salah satu usaha untuk memastikan bahawa barisan pendidikan dalam institusi sekunder pendidikan negara kita sentiasa utuh dan kuat untuk terus mendidik para anak bangsa dengan penuh berkualiti dan berdedikasi.

1.4 PERSOALAN KAJIAN.

Daripada permasalahan kajian di atas, wujud tiga (3) persoalan. Antaranya ialah:

- i. Apakah tahap kecerdasan emosi dalam menghadapi transisi fasa pandemik kepada endemik dalam kalangan guru sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh?
- ii. Apakah tahap daya tindak dalam menghadapi transisi fasa pandemik kepada endemik dalam kalangan guru sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh?
- iii. Adakah terdapat hubungan di antara kecerdasan emosi terhadap daya tindak dalam menghadapi transisi fasa pandemik kepada endemik dalam kalangan guru sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN.

Kajian ini mempunyai tiga (3) objektif iaitu untuk:

- i. Menenal pasti tahap kecerdasan emosi dalam menghadapi transisi fasa pandemik kepada endemik dalam kalangan guru sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh;

- ii. Mengenal pasti tahap daya tindak guru dalam menghadapi transisi fasa pandemik kepada endemik dalam kalangan guru sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh; dan
- iii. Mengkaji hubungan di antara kecerdasan emosi terhadap daya tindak guru dalam menghadapi transisi fasa pandemik kepada endemik dalam kalangan guru sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh.

1.6 HIPOTESIS KAJIAN

Kajian ini mengetengahkan tiga (3) hipotesis yang seperti berikut:

H0 : Tidak terdapat tahap kecerdasan emosi dalam menghadapi transisi fasa pandemik kepada endemik dalam kalangan guru sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh;

H1 : Terdapat tahap kecerdasan emosi dalam menghadapi transisi fasa pandemik kepada endemik dalam kalangan guru sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh;

H0 : Tidak terdapat tahap daya tindak dalam menghadapi transisi fasa pandemik kepada endemik dalam kalangan guru sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh;

H2 : Terdapat tahap daya tindak dalam menghadapi transisi fasa pandemik kepada endemik dalam kalangan guru sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh;

H0 : Tidak terdapat hubungan di antara tahap kecerdasan emosi dan tahap daya

tindak dalam menghadapi transisi fasa pandemik kepada endemik dalam kalangan guru sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh;

H 3 : Terdapat hubungan di antara tahap kecerdasan emosi dan tahap daya tindak dalam menghadapi transisi fasa pandemik kepada endemik dalam kalangan guru sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh.

1.7 DEFINISI

1.7.1 Kecerdasan Emosi

Kecerdasan emosi adalah sebuah tingkah laku, kemampuan, kepercayaan dan nilai yang mempengaruhi emosi individu dalam kehidupan seharian. Individu yang memiliki kecerdasan emosi tinggi dapat membezakan di antara kecerdasan dalaman (*intrapersonal intelligence*) dan kecerdasan luaran (*interpersonal intelligence*) yang bersesuaian dengan persekitaran dan diri sendiri (Merlevede, P. E., Bridoux, D. & Vandamme, R., 2003).


1.7.2 Daya Tindak

Daya tindak bermaksud kemampuan seseorang untuk mengharungi sesebuah situasi yang melanda dirinya. Justeru, dengan istilah tersebut diadaptasikan di dalam kajian ini, ianya bermaksud tentang daya tahan seseorang guru sekolah menengah untuk melaksanakan tanggungjawabnya untuk terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran dalam transisi fasa pandemik kepada endemik serta kemampuan dirinya untuk

berhadapan dengan segala cabaran yang melanda di sepanjang situasi dan keadaan tersebut.

1.8 KERANGKA KONSEPTUAL

Kajian ini dilaksanakan berpandukan kerangka konseptual yang diketengahkan di Rajah 1.1 bagi mencapai kesemua objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru, mengenal pasti tahap daya tahan dalam kalangan guru serta untuk menilai hubungan di antara tahap kecerdasan emosi dalam penentuan daya tahan para guru dalam kalangan guru sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh. Maka, pembentukan dan pembangunan kerangka konseptual ini adalah sebagai garis panduan kepada pengkaji dalam menjayakan kajian ini sekaligus mencapai objektif yang telah disasarkan. Kerangka konseptual ini dibina berdasarkan idea serta diadaptasi oleh Goleman (1999) berdasarkan lima (5) elemen yang menjadi asas kepada tahap kecerdasan emosi individu iaitu (i) empati (*empathy*), (ii) kesedaran sendiri (*self-awareness*), (iii) menguruskan emosi, (iv) kemahiran sosial (*social skill*) dan (v) motivasi sendiri (*self-motivation*).



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian

Dengan kelima-lima elemen tersebut, pengkaji dapat melaksanakan rujukan lanjutan dengan lebih mendalam dan meneruskan dengan proses pengumpulan maklumat serta melakukan penilaian saintifik terhadap faktor kecerdasan emosi yang mempengaruhi daya tahan para guru sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh. Di samping itu, kelima-lima elemen yang diketengahkan ini turut berkait rapat dengan pandangan Mayer (1997) yang mengetengahkan kecerdasan emosi sebagai (i) mempersepsi emosi, (ii) menyatupadukan emosi dalam pemikiran, (iii) memahami emosi dan (iv) menguruskan emosi. Jelaslah di sini bahawa pemikiran yang diketengahkan oleh Goleman (1999) telah merangkumi pandangan Mayer (1997) yang memberi makna selari dan sepadan.

Secara ringkasnya, elemen pertama iaitu empati menjurus kepada kemampuan diri untuk mengetahui dan mengesan perasaan orang lain, boleh melihat dan memahami sudut pandangan orang lain serta dapat mencipta keserasian dan kemesraan dengan pelbagai jenis individu. Manakala elemen kedua iaitu kesedaran sendiri pula merujuk

kepada sifat dapat mengenali dan mengetahui perasaan dalam satu-satu situasi selain dapat memilih keutamaan dalam pembuatan keputusan, juga mempunyai penilaian yang realistik terhadap keupayaan diri serta memiliki keyakinan diri yang tinggi. Elemen yang ketiga iaitu kasedaran sendiri pula melihat kepada kemampuan individu untuk mengurus emosi bagi memudahkan dan menyelesaikan tugas, berhemah dan menanggukkan perasaan sendiri demi pencapaian matlamat serta individu juga cepat pulih daripada tekanan emosi. Tambahan pula, elemen kemahiran sosial turut menjadi asas kepada penentuan tahap kecerdasan emosi seseorang individu. Individu yang memiliki kemahiran ini adalah mereka yang dapat mengurus pelbagai emosi secara efektif, dapat melakukan tafsiran yang tepat terhadap satu-satu situasi sosial dan matlamatnya serta juga berkemahiran untuk memujuk, memimpin dan berunding dalam penyelesaian konflik. Elemen kelima yang turut merupakan elemen terakhir pula merupakan motivasi sendiri yang melihat kepada penggunaan emosi untuk merangsang dalam usaha pencapaian matlamat atau penyelesaian masalah.

Oleh itu, pengkaji memilih untuk menekankan kepada kelima-lima elemen tersebut bagi menjawab kepada faktor kecerdasan emosi yang mendorong kepada daya tahan seseorang individu. Ini kerana seseorang individu khususnya para guru perlulah memiliki keseimbangan di antara kecerdasan emosi dan daya tahan supaya dapat melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan ilmu berkualiti di samping membentuk suasana persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang sejahtera. Ini selari dengan tema samtutan hari guru pada tahun 2022 iaitu “Guru Tunjang Sekolah Sejahtera.”

1.9 SUMBANGAN DAN KEPENTINGAN KAJIAN UNTUK MASA HADAPAN.

Hasil kajian ini dapat digunakan untuk memberi gambaran tentang keadaan sebenar kepada daya tahan para guru sekolah menengah dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab pekerjaan mereka di sewaktu berlakunya suatu kejadian atau fenomena di luar jangka. Justeru itu, hasil kajian ini seterusnya secara tidak langsung dapat membantu pengetua, ketua jabatan dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam mengenal pasti tahap kecerdasan emosi serta punca berlakunya tekanan atau masalah dalam kalangan para guru. Komponen kecerdasan emosi dalam aspek pengertian emosi, pemahaman emosi, penggunaan emosi dan pengurusan emosi adalah menjadi elemen penting untuk menilai pengawalan emosi yang mampu memberikan kesan kepada daya tahan para guru semasa melaksanakan penugasan dalam transisi fasa pandemik kepada endemik yang mendorong kepada kualiti penyampaian perkhidmatan organisasi serta kesejahteraan psikologi seluruh rangkaian individu di sekolah tersebut. Dengan itu, pihak yang berkaitan dapat menyediakan pelan tindakan yang proaktif dan mencari alternatif yang berkesan agar dapat membantu kalangan guru terutama guru sekolah menengah yang berhadapan dengan masalah kecerdasan emosi yang rendah. Dengan pelan ini, para guru akan dapat memberi komitmen sepenuhnya terhadap organisasi serta lebih kompeten untuk melaksanakan tugas dengan lebih baik dan efektif demi melahirkan lebih ramai para pelajar yang berkualiti meskipun berhadapan dengan kekangan.

Di samping itu, hasil kajian ini juga akan dapat membantu pegawai kaunseling di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk lebih memahami realiti sebenar para guru di zaman arus perdana kini. Kajian ini amat penting kepada pegawai

kaunseling untuk mereka mengenali dengan lebih mendalam mengenai individu yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah iaitu sama ada mereka akan mendapat manfaat daripada sesi kaunseling ataupun sebaliknya. Selain itu, hasil kajian yang diperolehi ini juga sudah pasti akan dapat turut memberi informasi dan pengetahuan berguna kepada pegawai kaunseling mengenai konsep dan angkubah tertentu yang telah digunakan untuk menjelaskan perkara yang diketengahkan di sepanjang penghasilan kajian ini. Perkara ini adalah amat penting memandangkan situasi seperti wabak Covid-19 ini merupakan sejarah yang pertama kali berlaku di dunia justeru kekuatan, nasihat dan sokongan daripada pegawai kaunseling misalannya diharap dapat membantu para guru yang memerlukan.

Tambahan pula, kajian ini turut dapat memberi kesedaran mengenai kepentingan kecerdasan emosi dan hubungannya dengan daya tahan serta hasil terhadap kepuasan kerja, komitmen organisasi dan kesejahteraan psikologi. Hasil kajian ini dijangka memberi faedah kepada usaha mana-mana pihak untuk mengenal pasti tindakan-tindakan yang relevan seperti mewujudkan dan membentuk program latihan atau seminar yang boleh meningkatkan kecerdasan emosi, kepuasan kerja, komitmen terhadap organisasi dan kesejahteraan psikologi. Dengan ini, pihak atasan dan pengurusan boleh merangka dan mengubahsuai strategi pengurusan mengikut kesesuaian para guru bagi menjamin prestasi dan perkhidmatan cemerlang para guru dan seterusnya dapat mencapai matlamat organisasi.

1.10 LIMITASI KAJIAN

Kajian ini terikat dengan beberapa batasan iaitu responden bagi kajian ini terdiri daripada para guru sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh sahaja maka hasil

kajian hanya terbatas kepada para guru di sekolah-sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh sahaja. Oleh itu, keputusan kajian ini tidak boleh digeneralisasi kepada keseluruhan para guru di seluruh Malaysia kerana kajian ini terhad hanya di sekolah-sekolah menengah terpilih di daerah Temerloh sahaja dan mungkin tidak boleh diaplikasi atau disamaertikan dengan para guru di daerah-daerah yang lain kerana mungkin akan menghasilkan hasil kajian yang berbeza. Secara umumnya, tahap kecerdasan emosi di antara individu dengan individu yang lain adalah berbeza. Perbezaan berlaku kerana setiap individu mempunyai latar belakang yang berlainan, tanggungjawab dan komitmen yang berbeza dan persekitaran kerja yang berlainan.

Di samping itu, kajian ini juga adalah terbatas kepada masa, ruang dan tempat kajian dijalankan maka mungkin terdapat dapatan yang berbeza pada masa akan datang mengenai hubungan kecerdasan emosi dengan tahanan para guru di sekitar sekolah menengah di daerah Temerloh. Tambahan pula, kajian ini dibangunkan dan dilaksanakan sewaktu negara dan dunia sedang mengalami transisi fasa pandemik kepada endemik justeru dapatan yang diterima adalah kesan daripada selama dua (2) tahun masyarakat berdepan dengan virus tersebut iaitu sejak Mac 2020 sehingga kini. Sekiranya terdapat pengkaji lain yang ingin melaksanakan kajian seumpama ini pada masa akan datang, dapatan kajian yang diterima mungkin berbeza iaitu bergantung dengan fenomena semasa dan persekitaran negara pada waktu tersebut. Seterusnya, ketepatan dapatan kajian juga adalah bergantung sepenuhnya kepada ketulusan dan kejujuran responden untuk memberi maklum balas dalam borang soal selidik yang diedarkan. Sesetengah responden mungkin menjawab soal selidik secara tidak telus disebabkan faktor masa yang memerlukan mereka untuk melaksanakan tugas-tugas lain yang lebih penting. Hal ini boleh menyebabkan hasil kajian hampir tidak tepat

walaupun segala usaha dilakukan untuk memastikan ketepatan atau kesahihan dapatan kajian.

1.11 KESIMPULAN

Fungsi utama sebuah sekolah adalah untuk memastikan para pelajarnya dapat belajar dengan baik dan berkesan. Oleh hal yang demikian, faktor yang paling penting dan signifikan untuk memastikan pelajar dapat belajar dengan betul dan efisien adalah kualiti pengajaran seseorang guru itu sendiri. Justeru itu, melihat kepada cabaran sektor pendidikan Negara dalam fasa ini, maka kualiti atau kapasiti guru sekolah menengah perlulah diperhalusi sedalamnya agar keberhasilan berkaitan pengajaran dan pembelajaran di dalam perubahan fasa ini dapat ditemui dan dibangunkan. Pengukuhan dalam pendidikan walau dalam apa jua keadaan sekali pun perlu dilakukan sebaiknya agar generasi kini mampu menghadapi cabaran dan daya saing di peringkat global dengan jayanya.

Kecerdasan emosi merupakan suatu aspek penting yang perlu dirungkai dalam kalangan para guru sekolah menengah di sekitar daerah Temerloh bagi membentuk daya tahan yang lebih berkesan dan positif. Justeru itu, dengan mengambil kira kepentingan para guru sebagai tunjang utama pendidikan negara maka diharap agar kajian ini dapat memberi idea segar yang baru kepada pihak berkepentingan dalam bidang pendidikan Negara dalam melahirkan para guru yang berkualiti tinggi dan memiliki daya tahan diri yang mantap. Bab satu ini telah menghuraikan secara jelas tentang pengenalan kepada kajian ini. Bab seterusnya akan membincangkan mengenai ulasan literatur yang diguna pakai bagi kajian ini.